



SETEM POS  
DI JELASKAN

## PROGRESSIVE INSURANCE BHD (19002-P)

### POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI PEMANDU KERETA

**MANAKALA** Pihak Diinsuranskan (kemudian dari ini dipanggil "Pihak Diinsurans Yang Dinamakan) melalui cadangan dan perisyntihsaran yang akan menjadi asas kontrak ini dan dianggap digabungkan di dalam ini telah memohon kepada **PROGRESSIVE INSURANCE BHD** (kemudian dari ini dipanggil "Syarikat") bagi insurans yang terkandung kemudian dari ini dan telah membayar atau bersetuju untuk membayar premium yang dinyatakan di dalam jadual sebagai balasan bagi insurans.

**Kini Polisi Ini Menyaksikan** bahwa jika semasa tempoh insurans pemandu dan/atau penumpang (kemudian dari ini dipanggil "Orang Diinsuranskan") mengalami kecederaan anggota badan akibat semata-mata dan bebas dari mana-mana sebab lain akan Kematian, Pemutusan Anggota Badan dan Belanja Perubatan sebagaimana ditakrifkan di bawah Bahagian I, II dan III Jadual Manfaat ketika masuki, memandu, menaiki dan turun dari kenderaan, Syarikat akan membayar Pihak Diinsurans Yang Dinamakan atau wakil dirinya yang sah jumlah yang dinyatakan di bawah setiap bahagian.

#### JADUAL MANFAAT

##### Bahagian I - Kematian

Bila kecederaan mengakibatkan kehilangan nyawa Orang Diinsuranskan dalam masa satu ratus lapan puluh (180) hari selepas tarikh kemalangan Syarikat akan membayar amaun sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual Polisi.

##### Bahagian II - Pemutusan Anggota Badan dan Kehilangan Penglihatan

Bila kecederaan tidak mengakibatkan kehilangan nyawa Orang Diinsuranskan tetapi mengakibatkan dalam mana-mana kehilangan berikut dalam masa satu ratus lapan puluh (180) hari selepas kemalangan Syarikat akan membayar bagi kehilangan:-

##### Peratusan Bahagian I Jumlah Yang Diinsuranskan

Kedua-dua Tangan atau Kedua-dua Kaki atau Penglihatan Kedua-dua Mata .....	100% .....
Satu Tangan dan Satu Kaki .....	100% .....
Salah Satu Tangan atau Kaki dan Penglihatan Satu Mata .....	100% .....
Sama Ada Tangan atau Kaki .....	50% .....
Penglihatan Satu Mata .....	.50% .....

"Kehilangan" sebagaimana di atas yang digunakan dengan merujuk kepada tangan atau kaki bermaksud pemutusan sempurna sampai habis atau di atas daripada pergelangan tangan atau sendi buku lali, dan sebagaimana yang digunakan dengan merujuk kepada mata, bermaksud kehilangan penglihatan seluruh dan tidak dapat dipulihkan

##### Bahagian III - Belanja Perubatan

Bila dalam masa lima puluh dua (52) minggu kemalangan mengakibatkan kecederaan, Orang Diinsuranskan menghendaki rawatan oleh pakar perubatan atau pakar bedah yang layak dari segi undang-undang, tinggal di dalam hospital atau pengambilan jururawat siswazah atau berlesen untuk bekerja, Syarikat akan membayar belanja sebenar yang ditanggung bagi rawatan demikian, caj hospital dan yuran jururawat, tetapi tidak melebihi amaun agregat sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual polisi bagi mana-mana satu kemalangan.

#### PERUNTUKAN KHAS

Sekiranya bilangan sebenar penumpang melebihi bilangan yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi, Had Liabiliti Syarikat setiap orang di bawah Bahagian I, II dan III akan dikurangkan mengikut nisbah bilangan sebenar penumpang kepada bilangan penumpang yang diisyntihsar. Penghadan tidak diguna pakai kepada pemandu. Penumpang berumur antara 1 hingga 15 berhak kepada 50% daripada semua manfaat yang disediakan di bawah Bahagian I, II dan III.

#### PENGECUALIAN

Insurans tidak diguna pakai:

- (a) Kerugian disebabkan secara langsung atau secara tidak langsung, seluruhnya atau sebahagian:-
  - (1) oleh jangkitan bakteria (kecuali jangkitan pyrogenic yang berlaku melalui pemotongan atau luka yang tidak sengaja).
  - (2) oleh sebarang jenis penyakit yang lain.
  - (3) oleh rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali yang mungkin perlu akibat kecederaan yang dilindungi oleh Polisi ini dan dijalankan dalam masa yang diperuntukan di dalam Polisi).
  - (4) oleh kelahiran anak atau keguguran
  - (5) ketika pemandu bawah pengaruh alkohol atau narkotik.
  - (6) ketika kenderaan digunakan bagi usaha perniagaan haram atau sebagai pengangkat umum tidak berlesen.
- (b) Kepada sebarang kecederaan anggota badan yang mengakibatkan hernia.
- (c) Kepada membunuh diri atau apa-apa cubaan padanya (siuman atau tidak siuman).
- (d) Kepada kerugian yang disebabkan oleh peperangan, serangan, tindakan musuh asing, pertempuran atau operasi seakan-akan perang (sama ada peperangan diisyntihsar atau tidak), dahagi, rusuhan, mogok, kegemparan awam, perang saudara, pemberontakan, revolusi, penderhakaan tentera, komplot, kuasa tentera atau rampasan, pemerintahan tentera, atau keadaan pengepungan, atau

sebarang peristiwa atau sebab yang menentukan pengisytiharan atau pengekalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan, perampasan, kuarantin, atau pengawalan kastam atau penasionalan oleh atau bawah perintah mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau awam atau tempatan, atau sebarang senjata atau alat menggunakan pembelahan atom atau kuasa radioaktif, sama ada dalam masa aman atau peperangan. Pihak Diinsuranskan hendaklah jika dikehendaki begitu dan sebagai syarat duluan kepada sebarang liabiliti Syarikat, buktikan bahawa kerugian tidak dalam apa cara pun timbul bawah atau melalui mana-mana pengecualian, keadaan atau sebab di atas.

- (e) Kepada kerugian berlaku ketika kenderaan digunakan untuk sewa, perlumbaan, rali jalan raya, menentukan rentak, menguji kelajuan atau digunakan bagi sebarang tujuan berhubung dengan perdagangan motor.
- (f) Kepada pemandu jika pemandu demikian tidak mempunyai lesen pemandu yang sah untuk memandu kereta atau tidak layak untuk memegang atau memperoleh lesen pemandu yang demikian di bawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia atau Singapura.
- (g) Kepada orang bawah umur 1 dan melebihi umur 65.

#### **SYARAT**

Polisi dan Jadual hendaklah dibaca bersama dan sebarang perkataan atau pernyataan yang maksud khusus telah diberikan di dalam mana-mana bahagian Polisi ini atau Jadual hendaklah mempunyai maksud demikian di mana saja ia mungkin terdapat.

1. Dalam hal kecederaan anggota badan yang Polisi ini berkait
  - (a) Orang Diinsuranskan hendaklah mendapatkan dan bertindak atas nasihat perubatan atau pembedahan secepat yang boleh dilaksanakan.
  - (b) notis bertulis mesti diberikan kepada Syarikat dalam masa dua puluh satu (21) hari.

Kegagalan memberi notis dalam masa yang diperuntukan di dalam Polisi ini tidak mentaksahkan tuntutan jika ia ditunjukkan tidak mungkin boleh dengan munasabah memberi notis demikian dan notis itu telah diberi secepat mungkin sewajarnya.

2. Semua sijil maklumat dan bukti yang dikehendaki oleh Syarikat hendaklah diberikan pada belanja Pihak Diinsurans Yang Dinamakan atau wakil dirinya yang sah dan hendaklah dalam bentuk dan cara sebagaimana ditetapkan oleh Syarikat. Orang Diinsuranskan sekerap yang dikehendaki hendaklah bersetuju kepada pemeriksaan perubatan bagi pihak dan pada belanja Syarikat berhubung dengan sebarang tuntutan. Syarikat akan mempunyai hak dan peluang untuk membuat autopsi sekiranya berlaku kematian jika ia tidak dilarang oleh undang-undang.
3. Semua tuntutan hendaklah diserahkan melalui Pihak Diinsurans Yang Dinamakan atau wakil dirinya yang sah yang penerimaannya hendaklah melepaskan sepenuhnya Syarikat. Mana-mana indemnitati lain di bawah Polisi ini yang kena dibayar selain daripada kepada Pihak Diinsurans Yang Dinamakan hendaklah hanya dibayar secara langsung kepada Orang Diinsuranskan atau wakil dirinya yang sah dengan kebenaran terlebih dahulu Pihak Diinsurans Yang Dinamakan atau wakil dirinya yang sah.
4. Jika kemungkiran dibuat dalam pembayaran premium yang dipersetujui bagi Polisi ini, penerimaan premium berikutnya oleh Syarikat atau oleh mana-mana ejen yang diberi kuasa sewajarnya akan mengembalikan semula polisi, tetapi hanya melindungi kerugian akibat daripada kecederaan tidak sengaja yang dialami selepas itu.
5. Syarikat tidak terikat menerima atau dijejaskan oleh sebarang notis mana-mana amanah gadaian lien penyerahhakan atau urus niaga lain dengan atau berkaitan Polisi ini.
6. Syarikat atau Pihak Diinsurans Yang Dinamakan boleh batalkan Polisi ini dengan memberi tujuh (7) hari notis bertulis dengan surat berdaftar kepada pihak yang lain kepada alamatnya yang akhir diketahui. Jika Syarikat memberi notis demikian Pihak Diinsurans Yang Dinamakan selepas itu berhak kepada pemulangan premium berdasarkan sebaliknya Pihak Diinsurans Yang Dinamakan hanya berhak kepada pemulangan premium mengikut skala tempoh pendek biasa Syarikat dengan syarat tiada tuntutan telah dikemukakan terhadap Syarikat di bawah Polisi ini.
7. Semua perbezaan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah dirujuk kepada keputusan Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh pihak dalam perbezaan atau jika mereka tidak boleh bersetuju keatas seorang Penimbang Tara kepada keputusan dua Penimbang Tara yang seorang dilantik secara bertulis oleh setiap pihak atau sekiranya tidak bersetuju dengan Pengadil yang dilantik secara bertulis oleh Penimbang Tara sebelum memasuki rujukan. Kos rujukan dan Award hendaklah pada budi bicara Penimbang Tara atau Pengadil. Membuat Award menjadi syarat duluan kepada sebarang liabiliti Syarikat atau sebarang hak tindakan terhadap Syarikat berkaitan dengan mana-mana tuntutan. Jika Syarikat menolak liabiliti bagi mana-mana tuntutan di bawah ini dan tuntutan demikian tidak dalam masa dua belas bulan kalender dari tarikh penolakan demikian telah dirujuk kepada timbang tara di bawah peruntukan yang terkandung di dalamnya maka tuntutan itu hendaklah sebenarnya dianggap telah digugurkan dan tidak boleh selepas ini didapatkan kembali di bawah ini.

#### **FASAL/ENDORSAN/WARANTI BERIKUT YANG DIGUNA PAKAI PADA POLISI**

##### **FASAL SYARAT DULUAN**

Kesahan Polisi ini tertakluk kepada syarat duluan bahawa:

- a) bagi risiko yang diinsuranskan, Pihak Diinsuranskan yang dinamakan tidak sama sekali mempunyai sebarang insurans ditamatkan dalam 12 bulan yang lalu kerana semata-mata atau sebahagian kepada pelanggaran mana-mana syarat Waranti Premium; atau
- b) jika Pihak Diinsuranskan yang dinamakan telah isytihar bahawa dia telah melanggar mana-mana syarat Waranti Premium berkaitan polisi terdahulu yang diambil dari Penanggung Insurans lain dalam 12 bulan yang lalu:
  - i) Pihak Diinsuranskan yang dinamakan telah membayar sepenuhnya semua premium belum bayar bagi masa menanggung risiko diikira oleh Penanggung Insurans terdahulu berdasarkan atas kadar tempoh pendek yang biasa berkaitan dengan polisi terdahulu; dan
  - ii) senaskhab bukti daripada Penanggung Insurans terdahulu yang premium telah dibayar disediakan terlebih dahulu oleh Pihak Diinsuranskan yang dinamakan kepada Syarikat sebelum perlindungan bermula.

## **ENDORSAN PENGECUALIAN PENGGANASAN**

Polisi ini mengecualikan kerugian, kerosakan, kos atau belanja walau apa pun jenis secara langsung atau secara tidak langsung disebabkan akibat daripada atau berhubung dengan sebarang perbuatan pengganasan tanpa mengambil kira apa-apa sebab lain atau peristiwa menyumbang serentak atau dalam mana-mana urutan kepada kerugian.

Bagi tujuan endorsan ini perbuatan pengganasan bermaksud perbuatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ancamannya, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak seorang atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, dilakukan bagi tujuan politik, agama, ideologi atau sepertinya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletakkan orang awam, atau mana-mana bahagian orang awam, dalam ketakutan.

Endorsan ini juga mengecualikan kerugian, kerosakan, kos atau belanja walau apa pun jenis secara langsung atau secara tidak langsung disebabkan oleh, akibat daripada atau berhubung dengan mana-mana tindakan yang diambil dalam mengawal, menghalang, menumpas atau dalam apa cara pun berkaitan dengan mana-mana perbuatan pengganasan.

Jika Syarikat mengatakan bahawa dengan sebab pengecualian ini, sebarang kerugian, kerosakan, kos atau belanja tidak dilindungi oleh insurans ini beban membuktikan yang sebaliknya hendaklah pada Pihak Diinsuranskan.

Sekiranya mana-mana bahagian endorsan ini didapati tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, bakinya hendaklah kekal berkuatkuasa penuh.

## **FASAL PENGECUALIAN PENGGANASAN NUKLEAR, KIMIA DAN BIOLOGI**

Walaupun terdapat apa-apa peruntukan yang bertentangan dalam insurans ini atau apa-apa pengendorsan keatasnya adalah dipersetujui bahawa insurans ini mengecualikan sebarang kerugian secara langsung atau secara tidak langsung yang timbul dari, disumbangkan oleh atau disebabkan oleh atau akibat daripada atau berhubung dengan mana-mana tindakan pengganasan nuklear, kimia, biologi (sebagaimana ditakrifkan di bawah) tanpa mengambil kira mana-mana sebab atau peristiwa yang menyumbang serentak atau dalam sebarang urutan lain kepada kerugian tersebut.

Bagi tujuan endorsan ini:

"Pengganasan nuklear, kimia, biologi" hendaklah bermakna penggunaan mana-mana senjata atau alat nuklear atau pancaran, lelehan, penyebaran, pengeluaran atau pelepasan mana-mana agen kimia dan/atau agen biologi pepejal, cecair atau bergas sepanjang tempoh insurans ini oleh seseorang atau kumpulan orang, sama ada bertindak berseorangan atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, dilakukan bagi tujuan atau sebab politik, agama atau ideologi termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletakkan orang awam atau mana-mana bahagian orang awam dalam ketakutan.

Agen "Kimia" hendaklah bermakna sebarang sebatian yang bila disebarluaskan dengan sesuai menghasilkan kesan melemahkan, merosakkan atau membawa maut keatas orang, binatang, tumbuh-tumbuhan atau harta benda.

Agen "Biologi" hendaklah bermakna mana-mana organisma mikro patogen (menghasilkan penyakit) dan/atau toksin yang dihasilkan secara biologi (termasuk organisma diubah suai secara genetik dan toksin yang disintesikan secara proses kimia) yang menyebabkan keuzuran dan/atau kematian manusia, binatang atau tumbuh-tumbuhan.

Jika Pengenderit mendakwa bahawa oleh sebab pengecualian ini mana-mana kerugian tidak dilindungi oleh insurans ini beban membuktikan sebaliknya hendaklah terletak pada Pihak Diinsuranskan.

## **FASAL/ENDORSAN/WARANTI BERIKUT YANG TIDAK DIGUNA PAKAI PADA POLISI INI MELAINKAN DINYATAKAN DI DALAM JADUAL POLISI ATAU DIENDORSKAN PADANYA**

### **WARANTI TUNAI SEBELUM PERLINDUNGAN**

Adalah terma asas dan mutlak kontrak insurans ini bahawa premium penuh mesti dibayar dan diterima oleh Penanggung Insurans sebelum Perlindungan Insurans bawah polisi, endorsan atau pembaharuan mengikut keadaan, boleh bermula.

Jika premium yang kena dibayar diterima oleh ejen Penanggung Insurans yang diberi kuasa, pembayaran itu hendaklah dianggap diterima oleh Penanggung Insurans bagi tujuan waranti ini dan beban membuktikan bahawa premium yang kena dibayar diterima oleh seseorang termasuk ejen insurans yang tidak dibenarkan menerima premium demikian hendaklah terletak atas Penanggung Insurans.

Tertakluk sebaliknya pada terma dan syarat Polisi ini.

### **WARANTI PREMIUM**

Adalah syarat khas asas dan mutlak kontrak insurans ini bahawa premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh Penanggung Insurans dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi/endorsan/sijil pembaharuan ini.

Jika syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini dibatalkan secara automatik dan Penanggung Insurans hendaklah berhak kepada premium pro rata bagi tempoh yang mereka telah menanggung risiko.

Jika premium yang kena dibayar menurut waranti ini diterima oleh ejen Penanggung Insurans yang diberi kuasa, pembayaran hendaklah dianggap diterima oleh Penanggung Insurans bagi tujuan waranti ini dan beban membuktikan bahawa premium yang kena dibayar diterima oleh seseorang termasuk ejen insurans yang tidak benarkan menerima premium demikian hendaklah terletak atas Penanggung Insurans.

Tertakluk sebaliknya kepada terma dan syarat polisi ini.

**PENTING – Kami patut mengingatkan anda bahawa anda mesti mendedahkan kepada kami dengan sepenuhnya dan sejurnya fakta yang anda ketahui, patut ketahui, kerana jika tidak, anda mungkin tidak menerima apa-apa faedah daripada Polisi anda. Orang yang Diinsuranskan diminta membaca Polisi ini. Sekiranya terdapat mana-mana ralat dan salah gambaran, Polisi hendaklah dikembalikan kepada pejabat pengeluar bagi pembetulan.**